# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JUN 2020

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : PAGE 5

RAIL TRANSPORT

## Gemas-JB double-track project to be completed by October 2022

**KULAI:** The Gemas-Johor Baru double tracking and electrification project is expected to be completed by October 2022 despite a slight delay caused by the Movement Control Order (MCO).

Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed yesterday said the MCO had led the project to be delayed by 1.6 per cent.

"The contractor is confident, despite the delay," said Mustapa, adding that the project was so far 60 per cent complete.

The project was initially targeted to be completed by October 2021. However, issues related to land acquisition led to the completion date being pushed back by a year.

Mustapa also said that the delay would not result in any increase in the cost of the project.

The project, which involved the construction of 192km of electrified double-track railway lines and 11 stations, costs about RM9.55 billion, including consultation and acquisition of rolling stocks.

"The project's completion would finish the double tracking for Peninsular Malaysia's west coast."

He said this after visiting the Kulai KTM Station to observe the progress of the project.

Also present were state Public Works, Transportation and Infrastructure Committee chairman Md Solihan Badri and YTL Construction (Rail Division) chief executive officer Datuk Seri Azmi Abdul Aziz.

On another matter, Mustapa said the Economic Planning Unit identified projects worth RM1.6 billion that were unable to begin this year due to problems with land acquisition and issuance of acceptance letters.

"RM56 billion was allocated for development projects this year. The RM1.6 billion will be returned to the Finance Ministry."

He also said that the 12th Malaysia Plan (12MP) was expected to be finalised within two to three weeks.




*Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed (right) visiting the Kulai KTM Station yesterday.*

PIC BY MOHD AZREN JAMALUDIN

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JUN 2020
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : M/S 18

# PNB bukan lubuk duit korporat



ASAM PEDAS

A KADIR JASIN

Tidak kira apa kebenaran dan motivasi di sebalik kontroversi yang melanda Permodalan Nasional Berhad (PNB) sekarang, satu perkara wajib dipastikan tidak berlaku. Jangan sekali-kali dipolitikkan badan pelaburan rakyat jelata itu!

Sejak ditubuhkan pada Mac 1978 ketika pemerintahan Allahyarham Tun Hussein Onn, alhamdulillah PNB bebas daripada gangguan politik.

Di bawah pasukan pengurusan berwibawa yang dipimpin oleh insan bermaruah, berhemah tinggi dan berpengalaman seperti Allahyarham Tun Ismail Mohd Ali, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan sekarang Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, PNB bukan sahaja kekal, malah maju.

Oleh sebab latar belakang mereka yang cemerlang, pengacau-pengacau dari luar khususnya dalam kalangan politik tidak berani masuk campur berlebihan.

Namun, dalam kalangan pengurusan kanan terutama jawatan Presiden/Ketua Pegawai Operasi, sekali-sekala berlaku tindakan yang merugikan perniagaan PNB.

Kita lihat badan-badan ekonomi dan pelaburan yang dipolitikkan seperti Bank Bumiputra, Perbadanan Nasional (Pernas), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Lembaga Tabung Haji (TH), sama ada mulfis atau menderita kerugian besar.

Ada antara agensi yang disebutkan itu daripada awal lagi diketuai orang politik sepanjang masa atau dari masa ke masa. Ia termasuklah Bank Bumiputra, Pernas, Felda dan TH.

Scanned with CamScanner

Sepanjang kefahaman saya, kontroversi di PNB sekarang ada dua cabang. Pertama, dakwaan berkaitan deklarasi kelulusan oleh bekas Presiden/CEO, Abdul Jalil Rasheed dan kedua, pelaburan bermasalah yang cuba diatasi oleh Abdul Jalil.

## Kerugian

Yang menjadi masalah ialah ada dua atau tiga pelaburan bermasalah itu melibatkan usahawan Melayu berpengaruh dan risiko kerugian yang sangat besar.

Dalam kalangan penggiat ekonomi dan pasaran saham, identiti mereka sudah pun menjadi buah mulut tetapi saya tidak akan menyebut nama mereka di sini. Cukuplah saya ceritakan bagaimana PNB terlibat dan apakah keburukan yang telah dan sedang berlaku kepadanya.

Kes pertama melibatkan hartanah. Sebuah syarikat kain baju yang mengaku bertaraf bumiputera telah berjaya dalam bidaan membeli tanah kerajaan di Kuala Lumpur. Ia kemudian menubuhkan sebuah syarikat dan menjual satu pertiga saham (33.3 peratus) kepada seorang pemaju hartanah bumiputera (Melayu) dan satu pertiga lagi kepada PNB.

Itu saja sudah cukup untuk mencetuskan tanda tanya kerana jika PNB hendak membeli tanah itu, ia boleh lakukan sendiri melalui anak syarikat hartanahnya seperti Sime Darby Property Berhad atau SP Setia Berhad. Buat apa beli daripada pihak ketiga?

Yang tidak kena adalah dua pihak menyuntik hanya RM25 juta modal setiap satu tetapi PNB suntik RM250 juta. Ia menimbulkan persoalan dan Abdul Jalil dikatakan sedang cuba memperbetulkan keadaan.

Kes kedua lebih besar dan berat melibatkan pelaburan dalam industri minyak dan gas. Akibat kejatuhan harga minyak dunia dan isu dalaman syarikat tersebut, kita sekarang bercakap tentang kemungkinan PNB dan anak syarikatnya kerugian berbilion-bilion ringgit.

Sebelum dipecat, Abdul Jalil dikatakan sedang berusaha menyusun semula syarikat itu dengan harapan kembali untung dalam masa 12 bulan.

Saya kenal dengan semua usahawan terlibat dan tahu asal usul mereka mendapat pelbagai kemudahan daripada kerajaan sehingga menjadi kaya-raya di luar dugaan. Malangnya mereka memilih untuk terus bergayut kepada kerajaan dengan menjadikan PNB lubuk duit, sedangkan matlamat PNB adalah untuk membantu bumiputera biasa memiliki sebahagian kekayaan negara melalui pelaburan saham amanah.

Maaf cakaplah kalau saya kata, cara mereka guna pengaruh politik ke atas PNB adalah sangat tidak bermaruah. PNB dan anak-anak syarikatnya akan jahanam jika aliran itu tidak disekat. Wallahuaklam.

** A Kadir Jasin ialah Tokoh Wartawan Negara*

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JUN 2020

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : M/S 10

## Dari Kaca Mata



**Datuk Seri Mustapa Mohamed**
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)*

**COVID-19** memaksa kita semua untuk berubah, lantas kehidupan tidak lagi seperti sebelum ini.

Jika dahulu manusia dipaksa supaya beratur, tetapi kini barisan panjang dapat dilihat di mana-mana. Manusia tidak lagi berebut-rebut seperti dahulu. Tertib.

Krisis kesihatan ini juga menukar gaya hidup untuk bergantung kepada teknologi baharu. Paling nyata penggunaan digital dalam semua urusan.

Jika dahulu terpaksa bersenteng kain atau seluar untuk masuk ke pasar basah, namun kini dengan hujung jari, ikan, sayur dan ayam sudah sampai di rumah.

Anak-anak pula mengikuti kelas melalui Google Classroom, manakala mahasiswa menggunakan Google Meet, Zoom dan macam-macam lagi.

Membeli di hujung jari juga bukan perkara baharu. Sudah lama wujud. Azahari Ahmad atau lebih dikenali dengan 'Pasarman' di Pasar Borong Selayang, mengamalkan kaedah ini sejak 2018.

Dia menggunakan 'kapcai' Honda C50 menghantar barangan basah kepada pelanggan.

Kini, Pasarman sudah berada di semua platform digital dengan laman sesawang khusus bagi memudahkan pelanggan membuat pesanan.

COVID-19 juga membuatkan kita yakin dengan digital. Sikap skeptikal terhadap peniaga di alam maya sudah berubah. Peniaga juga lebih jujur dalam berurus niaga.

Ada yang menipu tetapi tidak ramai, itu pun mudah 'ditangkap' atau dikecam sehingga ke anak cucu oleh warga net.

Kerajaan menyedari hakikat ini. Justeru, pelbagai program dengan peruntukan yang besar diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA).